

Suatu Analisis Mengenai Peranan Media dalam Penyebaran Gaya Hidup Transeksual di Malaysia

An Analysis on the the Role of the Media in Spreading Transsexual Lifestyles in Malaysia

Suriati Ghazali*, Azilah M. Nor, Jabil Mapjabil

*Geography Division, Centre for Humanities Studies, Universiti Sains Malaysia,
11800 Pulau Pinang, Malaysia*

**Corresponding author: suriati@usm.my*

Abstrak

Media memainkan peranan yang sangat penting dalam menyebarkan dan mempromosi gaya hidup baru kepada masyarakat. Kekerapan sesuatu gaya hidup baru dipaparkan dalam media cetak dan elektronik menyebabkan sesuatu budaya baru itu senang diterima ramai. Kajian ini menganalisis peranan media seperti akhbar, majalah, televisyen, radio, filem dan internet dalam menyebarkan gaya hidup transeksual dalam kalangan pelajar lelaki universiti. 30 orang pelajar lelaki berpenampilan silang dari sebuah Institusi Pelajaran Tinggi Awam telah dikaji menggunakan teknik soalselidik bersemuka, temubual mendalam, pemerhatian ikut serta, berbual di internet dan penulisan diari. Kajian ini mendapati majoriti responden memperolehi maklumat untuk berpenampilan sebagai wanita menerusi majalah, televisyen dan internet. Drama dan filem yang bersifat prihatin dan simpati kepada watak transeksual diminati oleh mereka, manakala watak transeksual yang digambarkan berjaya menjadi role model mereka. Di samping itu, artis dan model wanita terkenal yang kerap dipaparkan oleh media menjadi idola mereka untuk berpenampilan cantik dan bergaya. Kajian ini merumuskan media berupaya membenarkan serta mempromosi budaya baru, termasuk budaya yang bertentangan dengan nilai sosiobudaya tempatan yang sudah lama diamalkan. Kajian ini menyumbang kepada pengetahuan tentang kepentingan media dalam sebaran ruangan budaya atau gaya hidup, dalam kes ini, gaya hidup transeksual.

Kata kunci *media, transeksual, Malaysia*

Abstract

Media plays a very important role in disseminating and promoting new lifestyles to the community. The frequency of a new lifestyle appearing in the print and electronic media causes new cultures to be easily accepted. This study analyzes the role of the media such as newspapers, magazines, television, radio, film and the internet in disseminating transsexual lifestyles among male university students. 30 male cross-dressed students from a public institution of higher learning were studied using

face to face questionnaires, in-depth interviews, participant observations, chatting on the internet and diary writing. This study found that the majority of respondents gained information to dress and appear as women through magazines, televisions and the internet. Dramas and films that are attentive and sympathetic to the transsexual characters are of interest to them, while the transsexual characters that are portrayed as successful become their role models. In addition, famous female artists and models that regularly appear in the media become their idols in their attempt to appear beautiful and stylish. This study concludes that the media is able to allow and promote new cultures, including those opposed to the established, local socio-cultural values. This study contributes to the knowledge on the importance of the media in the spatial diffusion of culture and lifestyles, or in this case, the transsexual lifestyle.

Keywords *media, transsexual, Malaysia*

Pengenalan

Globalisasi budaya ialah sebaran sesuatu bentuk budaya menyeberangi sempadan budaya dan negara. Budaya yang tersebar dalam bentuk kebendaan dan bukan kebendaan mempunyai pengaruh yang boleh mengubah corak pemikiran serta menghasilkan tingkah laku dan gaya hidup sesuatu masyarakat. Pada era mutakhir ini, produk budaya baharu yang bersifat kebendaan dan bukan kebendaan mendapat sambutan masyarakat di negara maju dan negara membangun. Hal ini jelas bagi negara yang mempunyai tahap ekonomi yang kukuh untuk melabur dalam media yang membawa budaya ini.

McLuhan dan Lapham (1994) telah mengkonsepsikan globalisasi budaya sebagai kemunculan budaya seragam seperti 'kampung global'. Media menyerap ke dalam seluruh masyarakat untuk menyeragamkan budaya dan menghasilkan 'kampung global', iaitu suatu keadaan yang membayangkan keseragaman dalam pandang darat dan gaya hidup seharian. Menurut Crane dan Kawasaki (2002) globalisasi budaya ialah satu fenomena kompleks dan pelbagai, mengandungi budaya yang berasal dari berbagai kawasan dan negara, yang mana pembawa utamanya adalah perkembangan dalam aktiviti ekonomi dan organisasi. Budaya global adalah hasil aktiviti media, termasuk berita dan hiburan yang mengeluarkan filem, program televisyen dan muzik popular yang disebarkan ke seluruh dunia. Seseengah daripada aktiviti media ini mempromosikan gaya hidup yang tidak sesuai dengan budaya penonton di negara kurang maju dan dianggap telah mencemarkan nilai hidup tradisional.

Menurut Waters (1995) kesejagatan sistem nilai global yang terjadi dalam dimensi kebudayaan telah mengaburkan sistem nilai kehidupan manusia, khususnya di negara membangun. Dengan kemajuan sebilangan laman internet, budaya kini tiada lagi sempadan. Budaya tempatan telah menjadi budaya global. Budaya global juga telah diperlihatkan dalam semua aspek kesenian seperti filem, lukisan, muzik, teater, televisyen dan muzium. Golongan remaja dan orang muda telah memperlihatkan hubungan yang rapat antara gaya hidup seharian mereka dengan media. Dalam satu kajian tentang remaja dan budaya bilik tidur, Steel dan Brown (1995) mendapati bilik tidur adalah ruang persendirian yang sangat penting kepada golongan ini. Bilik tidur kerap dihiasi untuk membayangkan deria semasa remaja dan ianya sepadan dengan budaya yang lebih besar. Remaja mendengar radio, membaca majalah, menonton televisyen dan

membuat kerja sekolah di bilik tidur. Mereka mengubahsuai maklumat dan imej yang diperolehi daripada media dalam proses membina identiti dan dunia personal mereka. Hasil interaksi dan penggunaan media dalam masyarakat kini, terbentuklah budaya global dan pandang darat budaya baharu di seluruh dunia. Pandang darat budaya baru ini memperlihatkan fenomena kompleks dari pelbagai rantau kawasan dan negara.

Perkembangan teknologi komunikasi dan media membolehkan ilmu pengetahuan dan budaya dikongsi oleh manusia sejagat. Hal ini jelas berlaku dengan adanya penggunaan internet, telefon, televisyen, radio, surat khabar, majalah dan juga media yang lain (King, 1993; de Blij dan Murphy, 2003). Keadaan ini membolehkan sesuatu budaya dari luar seperti budaya transeksualisme, disebarkan secara terus ke serata dunia dengan mudah. Kesannya, transeksualisme menjadi salah satu identiti sosial baharu yang membawa kepada perubahan ruang sosial dan budaya sesuatu masyarakat serta mencetuskan pelbagai konflik dan pertentangan, terutama bagi masyarakat yang budayanya tidak membenarkan transeksualisme (Suriati dan Azilah, 2012).

Sorotan Literatur

Transeksualisme ialah satu keadaan di mana seseorang ingin memiliki jantina yang berlawanan dengan jantina yang dimilikinya sejak lahir, dan ia melakukan intervensi perubatan bagi mencapai hasrat memiliki penampilan dan tubuh badan seperti yang diinginkan. Transeksualisme juga adalah satu keadaan di mana seseorang mengalami ketidaksesuaian fungsi atau tekanan akibat daripada identiti gender yang diberi (American Psychiatric Association, 2000). Umumnya keadaan ini dipanggil kecelaruan atau disforia gender kerana mereka yang terlibat merasakan diri mereka berada dalam tubuh yang salah (Wan, 1991; Ekins dan King, 1997; Benjamin, 1999; Teh, 2002). Kecelaruan gender terbahagi dua jenis iaitu transvestit dan transeksual. Transvestit merujuk kepada keadaan seseorang berpakaian dan berpenampilan seperti jantina yang berlawanan (*cross dressers*), seperti lelaki berpakaian perempuan dan lebih bertujuan untuk keseronokan, manakala transeksual ialah seseorang yang melakukan intervensi perubatan supaya memiliki tubuh badan dan jantina yang dimiliki oleh jantina yang berlawanan dan dalam kes ekstrim, melakukan pembedahan jantina (Benjamin, 1999; Ekins dan King, 1997).

Di Malaysia istilah transeksual juga digunakan kepada transvestit kerana kebanyakan transvestit di Malaysia bukan sekadar berpenampilan silang tetapi ingin menukar jantina, walaupun tidak berbuat demikian di atas sebab-sebab batas agama (Wan, 1991; Teh, 2002; Suriati, *et al.*, 2012). Sebahagian transeksual di Malaysia turut mengambil intervensi perubatan melalui pengambilan pil hormon untuk memiliki bentuk badan jantina yang berlawanan (Suriati *et al.*, 2011). Gelaran paling biasa untuk golongan transeksual lelaki di Malaysia ialah 'lelaki lembut', 'pondan' dan 'mak nyah' (Teh, 2002; Wan, 1991) di samping pelbagai gelaran lain seperti 'bapuk', 'darai', dan 'adik'.

Banyak kajian telah membincangkan sebab-sebab biologi dan psikologi yang membawa kepada transeksualisme. Antaranya faktor genetik dan prenatal (Swaab, 2004) dan trauma psikik yang berlarutan serta mendatangkan konflik diri sehingga berlaku kecelaruan gender seperti transeksualisme (Benjamin, 1999). Manakala

beberapa kajian lain melihat media berperanan penting dalam memberi maklumat tentang budaya ini kepada masyarakat. Bagi gaya hidup transeksual, media massa seperti televisyen, radio, video, serta surat khabar, novel, dokumentari dan biografi seringkali menyiarkan tentang fenomena transeksual untuk maklumat dan juga hiburan. Umpamanya di Amerika Syarikat, Kanada dan Britain, pihak media menjelaskan terma untuk mengklasifikasikan cara berpakaian silang (*cross dress*), memberi maklumat tentang pembedahan pertukaran jantina serta mencadangkan cara budaya ini ditanggapi (King, 1993). Menurut Ekins dan King (1997) telah menjadi menjadi satu trend bahawa golongan ini menjadi perhatian media melalui filem, drama dan rencana. Selain memberi maklumat tentang gaya hidup transeksual (Ruan et. al., 1989), Ringo (2002) telah merumuskan media bertindak sebagai agen yang membenarkan (*actualizing agent*) dan menjual budaya ini kepada masyarakat umum di Barat. Suriati dan Azilah (2012) turut melihat hal yang sama di negara berbudaya Timur. Dari sini dapat dikatakan media berperanan penting dalam memberi maklumat dan mempromosi gaya hidup transeksual kepada masyarakat.

Pelbagai tajuk yang dipamerkan oleh laporan dan rencana akhbar ini membayangkan kegelisahan dan juga simpati masyarakat terhadap golongan ini. Antara tajuk tersebut ialah 'Menteri Arah Henti Aksi Pondan' (Berita Minggu, 2009); 'Hati-hati Mak Nyah Mental Mengganas di Jalan Raja Chulan' (Utusan Malaysia, 2009); 'Transvestites Come Under Attack' (NST, 2007); 'Cadangan Mak Nyah Disuntik Hormon Lelaki' (Utusan Malaysia, 2007a); 'Kecelaruan Seks Serius: Lelaki Mahu Jadi Wanita Banyak Berlaku di Asrama dan IPT' (Utusan Malaysia, 2005); 'Kementerian Baru Akan Tangani Isu Pondan' (Bernama, 17.2.2001); 'Transvestites On The Pill To Became More Curvy and Girly' (The Star, 2009); 'Transvestites Assault Woman for Handbag' (The Star, 2009); 'Kebanjiran Mak Nyah Membimbangkan' (Utusan Malaysia, 2007b); 'Persatuan Bantu Mak Nyah Jauhi Maksiat' (Utusan Malaysia, 2007c); 'Insan Transeksual Dihimpit Dilema' (Berita Harian, 2002); 'Tekanan Bukan Penyelesaian Masalah Transeksualiti di IPT' (Utusan Malaysia (2002a). 'Kemudahan Khas - Rasional kah tuntutan Pelajar Transeksual di IPT' (Utusan Malaysia, 2002b); 'Mak Nyah Tagih Belas Kasihan' (Bernama, 2007); 'Masyarakat "Relakan" Mak Nyah Diterima' (Berita Minggu, 2008); 'Pondan di Kuantan Semakin Ramai' (Kosmo, 2009a); 'Penonton Terpegun Lihat Model Mak Nyah' (Kosmo, 2009b); 'Pondan Malaysia Disunting Warga Britain' (Kosmo, 28.11.2009); dan banyak lagi.

Rencana 'Menteri Arah Henti Aksi Pondan' (Berita Minggu, 2009) umpamanya mengulas tentang senario transeksual yang membimbangkan sekitar awal 90an kerana merosakkan jati diri dan ketamadunan umat manusia. Lantaran itu pihak Kementerian Penerangan melalui Menteri Penerangan ketika itu mengarahkan semua stesen televisyen (TV) tempatan termasuk Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan TV3 supaya tidak menyiarkan sebarang program hiburan yang mendorong masyarakat terikut-ikut dengan budaya transeksualisme ini yang sering disiarkan di kaca TV pada masa tersebut. Manakala rencana yang bertajuk 'Hati-hati Mak Nyah Mental Mengganas di Jalan Raja Chulan' (Utusan Malaysia, 2009) pula melaporkan tentang golongan ini telah menggusarkan orang ramai ekoran penglibatan mereka dalam perlakuan ganas dan mencedera serta merompak orang awam terutama golongan wanita yang berjalan kaki di sekitar Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur. Laporan akhbar Utusan Malaysia (2007a)

bertajuk 'Kebanjiran Mak Nyah Membimbangkan' menyebut tentang bertambahnya golongan ini di Bandar Kuantan, Pahang dan tindakan segera dari pihak berwajib adalah perlu bagi menyekat gejala ini dari terus merebak. Laporan akhbar bertajuk 'Masyarakat "Relakan" Mak Nyah Diterima' (Berita Minggu, 2008) mengatakan pertambahan golongan ini dikaitkan dengan penerimaan masyarakat secara terpaksa sejak akhir-akhir ini, seperti penerimaan untuk mengambil mereka bekerja dalam beberapa sektor perkhidmatan, terutama kecantikan dan fesyen. Laporan 'Mak Nyah Tagih Belas Kasihan' (Bernama, 2007) mengulas tentang usaha kumpulan ini untuk mendapat simpati masyarakat agar menerima mereka tanpa sebarang diskriminasi, dan 'Pondan Malaysia Disunting Warga Britain' memaparkan satu bentuk sokongan kepada komuniti ini untuk meneruskan gaya hidup transeksual (Kosmo, 2009). Hal ini kerana golongan seperti mereka juga mempunyai masa depan, umpamanya berkerjaya dan mendirikan rumahtangga serta berkeluarga sendiri.

Asas Kajian

Di Malaysia, media melalui industri penyiaran dan hiburan mampu menyebarkan maklumat tentang gaya hidup transeksual kepada masyarakat umum. Filem, drama dan dokumentari yang kerap menyiarkan maklumat tentang golongan ini telah mempopularkan budaya ini sehingga gaya hidup ini menjadi semakin biasa pada mata masyarakat Malaysia. Beberapa penulis tempatan telah menyatakan kebimbangan mereka tentang kemudahan memperolehi bahan bacaan daripada media cetak seperti majalah tempatan dan antarabangsa, serta media elektronik seperti komputer, telefon bimbit, televisyen dan internet, yang dikatakan menjadi pendorong kepada remaja yang cenderung ke arah transeksual untuk memilih cara hidup ini (Mohd *et al.*, 2004; Hamdan, 2007).

Selain itu media menerusi laman web di internet menganjurkan kumpulan sokongan sosial yang senang diakses oleh kumpulan ini dari seluruh dunia. TransGender Guide merupakan laman web percuma khas untuk golongan transgender seperti transeksual, transvestit, *intersexed* dan *transgendered folks*. Terdapat banyak maklumat dan pelbagai aktiviti dijalankan melalui web ini seperti forum perbincangan, galeri gambar, *transgender dating*, panduan berpakaian silang, kelab malam transgender dan *TG shopping* (TransGender Guide, 2010). Media menerusi filem dan drama tentang kumpulan ini banyak diterbitkan di luar negara seperti *Better than Chocolate*, *Black Butler*, *Coronation Street*, *Boy Culture* dan *Beautiful Boxer* memberi inspirasi kepada penerbit filem dan drama tempatan untuk mengeluarkan filem dan drama yang berfokuskan watak transeksual, terutama lelaki. Watak utama lelaki transeksual kerap disiarkan di televisyen dan layar perak tempatan, umpamanya menerusi filem *Waris Jari Hantu*, *Sutun*, *Bukan Ini Pintaku*, *Anu dalam Botol*, *Wali*, dan *Nana Tanjung*. Selain itu rencana seperti *Bicara Siswa*, *U Remaja*, *360*, dan *Wanita Hari Ini* telah menjadikan topik transeksual sebagai subjek perbincangan yang popular dan ditonton ramai. Terdapat juga filem yang hanya boleh diakses melalui internet seperti *Bukak Api* dan *Comolot*. Hal ini menunjukkan maklumat dan gaya hidup golongan ini telah menjadi perhatian masyarakat.

Teh (2002) menganggarkan terdapat sekitar 10,000 orang golongan ini di Malaysia, iaitu 70 hingga 80 peratus terdiri daripada golongan Melayu dan selebihnya golongan Cina, India dan etnik minoriti lain. Tinjauan akhbar Sunday Star pada tahun 2001 menunjukkan terdapat sekitar 50,000 transeksual di Malaysia (Winter, 2009) dan angka ini dijangka terus bertambah. Zulhizzam (2005) turut menganggarkan bilangan pelajar transeksual lelaki universiti mencecah 10 peratus daripada keseluruhan pelajar lelaki universiti, dan angka ini dijangka terus meningkat (Suriati *et. al.*, 2012). Kumpulan ini sering berhubung dengan rakan transeksual di universiti yang lain, sering berpakaian dan bertatarias seperti wanita dan sering dilihat bersama-sama kumpulan mereka di khalayak umum seperti di pusat beli belah dan pusat hiburan. Walaupun gaya hidup transeksual ditentang di peringkat budaya dan nilai-nilai tempatan, namun individu dan kumpulan yang mempunyai persamaan nilai dan keinginan ini tetap menerima dan mengamalkan budaya ini di tempat mereka tinggal, terutama jika terdapat sebilangan mereka tinggal dalam lokaliti yang berdekatan, seperti di sebuah institusi pengajian tinggi.

Walaupun media Barat dikatakan membenarkan budaya transeksual dan membantu mengukuhkan identiti golongan ini (Ringo, 2002), namun media utama di Malaysia lebih kerap memaparkan kegelisahan masyarakat terhadap budaya yang dianggap melanggari ketetapan agama dan nilai budaya tempatan ini. Jadual 1 menunjukkan kekerapan berita dan rencana yang disiarkan dalam akhbar arus perdana Malaysia mengenai komuniti ini.

Jadual 1 Kekerapan Berita dan Rencana Mengenai Golongan Transeksual Dalam Akhbar Malaysia Arus Perdana pada Tahun 2008 dan 2009

Bulan	Utusan Malaysia		Berita Harian		New Straits Times		Jumlah
	2009	2008	2009	2008	2009	2008	
Januari	2						2
Februari		1	1	1			3
Mac	6	2	2		1		11
April	3	1					4
Mei							
Jun	9	1	1				11
Julai	4	2		5		2	13
Ogos	2			3			5
September	1			3		1	5
Oktober	3	1	1		1		6
November	2	1	1	3		1	8
Disember	2						2
Jumlah	34	9	6	15	2	4	70

Transeksual: Filem dan Drama Tempatan Berbahasa Melayu

Selain akhbar, media elektronik melalui filem dan drama TV berbahasa Melayu dan bukan Melayu, dan juga teater, turut menayangkan tentang kehidupan golongan transeksual, di mana watak utamanya adalah lelaki transeksual. Filem, drama dan

teater ini cuba menonjolkan kehadiran golongan ini sebagai insan biasa dalam usaha mendapatkan kefahaman masyarakat supaya menerima mereka. Jadual 2 menunjukkan filem, drama dan teater berbahasa Melayu yang memaparkan perjalanan hidup dan suka-duka lelaki transeksual. Filem, drama dan teater ini memperlihatkan cara bagaimana maklumat tentang gaya hidup transeksual tersebar dalam masyarakat. Sebahagian daripada filem dan drama ini bersifat memberi cadangan kepada masyarakat supaya tidak memandang buruk kepada transeksual, manakala sebahagian lagi cuba memberi kesedaran kepada transeksual supaya menerima gender hakiki mereka sejak lahir.

Jadual 2 Filem, drama dan teater tentang komuniti transeksual lelaki di Malaysia

Filem / Drama / Teater	Sinopsis filem/drama/teater
Filem : Waris Jari Hantu Tahun: 2007 Arahan: Suhaimi Baba Pelakon sebagai transeksual: Rosdi Ramli Nota: Filem ini ditonton sendiri oleh penulis-penulis pada tahun 2010	Dalam filem ini terdapat satu watak lelaki yang ingin berpenampilan wanita. Semasa di kampung beliau tidak dapat berpenampilan wanita kerana keluarga dan masyarakat tidak menyokong perbuatannya. Apabila tamat persekolahan beliau berhijrah ke Kuala Lumpur untuk bekerja. Di Kuala Lumpur beliau bergaul dengan rakan-rakan senaluri dan sering bersama mereka mengunjungi tempat-tempat yang menyokong kehadiran mereka seperti kelab malam, salun kecantikan dan pusat membeli belah. Akhirnya beliau membuat keputusan untuk melakukan pembedahan pertukaran jantina di Singapura.
Filem : Anu Dalam Botol Tahun 2010 Arahan: Khir Rahman Pelakon utama sebagai transeksual: Arjaa Lee (Azharudin Ramli) Nota: Informasi mengenai filem ini diakses melalui Seniman Malaysia.com.my dalam Portal Perfileman Malaysia	Ruby atau nama sebenarnya Rubidin, dan teman lelakinya Ghaus, merupakan pasangan bercinta sejenis. Kerana terlalu mencintai Ghaus, Rubidin sanggup berkorban mengubah identitinya kepada Ruby. Bukan calang-calang pengorbanan yang dilakukan Ruby, identiti dirinya diubah menerusi satu pembedahan jantina. Namun, perhitungan Ruby itu telah salah kerana Ghaus tidak dapat menerimanya dalam keadaan fizikal seperti seorang wanita sekali gus menyingkirkan Ruby dari hidupnya. Keadaan bertambah sulit apabila hormon lelaki dalam tubuh Ruby kembali menyerlah dan dia ingin kembali menjadi seorang lelaki. Malah Ruby mula jatuh cinta dengan seorang gadis yang baik budi. Namun Ruby sedar jasadnya bukan lagi seperti seorang lelaki tulen kerana dia telah membuang alat kelaminnya melalui pembedahan yang kini disimpan dalam botol.
Drama : Sutun Tahun: 2007 Arahan: Shahrulezad Mohameddin (Ezad) Pelakon utama sebagai transeksual: Ku Mohd Yusri Pak Leh Nota: Ditonton sendiri oleh penulis-penulis menerusi slot yang disiarkan di RTM, ASTRO dan TV9 (2005, 2008, 2012)	Drama ini memaparkan dilema seorang lelaki yang mempunyai naluri untuk menjadi wanita sejak zaman persekolahan. Beliau mula menunjukkan keinginannya itu dengan memakai alat solek, berpakaian wanita dan berjalan melenggang seperti wanita. Beliau menghadapi pelbagai cemuhan dan tentangan daripada keluarga (bapa) dan masyarakat yang tidak bersetuju dengan penampilan tersebut, menyebabkan beliau terpaksa memendamkan sahaja keinginan itu. Di akhir drama digambarkan watak transeksual tersebut telah menjadi seorang doktor, berkahwin dan mempunyai anak. Namun beliau masih berciri lembut dan cuba membantu rakan lamanya yang suatu masa dahulu mencemuhnya kerana bersifat lembut.

Jadual 2 (samb.)

<p>Drama : Bukan Ini Pinta ku Tahun: 2010 Arahan: Rashid Sibir Pelakon utama sebagai transeksual: Ferry Karisma Nota: Drama ini ditonton sendiri oleh penulis-penulis pada tahun 2010 di saluran ASTRO Ria</p>	<p>Drama ini mengisahkan kehidupan seorang lelaki lembut yang selalu dihina masyarakat kampungnya. Akhirnya beliau berhijrah ke kota Kuala Lumpur membawa haluan sendiri bagi memenuhi kehendak nalurinya. Setelah berjaya dalam kerjaya sebagai tukang masak, beliau kembali ke kampung untuk membantu keluarga dan membuktikan kepada masyarakat sekitar yang sering mencemuhkannya sebagai pondan selama ini, bahawa beliau telah berjaya tanpa melibatkan diri dalam aktiviti tidak sihat seperti aktiviti pelacuran.</p>
<p>Telefilem : Wali Tahun 2007 Arahan: Rashid Sibir Pelakon utama sebagai transeksual: Ahmad Tamimi Siregar Nota: Ditonton sendiri oleh penulis-penulis menerusi slot Telemovie pada tahun 2007 di saluran Astro Ria</p>	<p>Lelaki transeksual dalam filem ini terpaksa berpisah dengan anak isteri kerana tidak sehaluan. Isterinya tidak bersetuju suaminya menjadi lelaki lembut. Lelaki ini berhijrah ke kota dan bekerja sebagai penyanyi kelab malam. Ramai rakan-rakan transeksualnya bekerja di kelab tersebut. Mereka juga tinggal serumah. Beliau dan rakan-rakan sangat gembira dengan kehidupan tersebut dan mereka sentiasa berpenampilan perempuan di tempat kerja dan di tempat lain. Suatu hari beliau telah ditemui oleh anak perempuannya yang selama ini mencarinya. Anaknya meminta beliau untuk mewalikan pernikahannya. Hal ini telah menyedarkan beliau bahawa beliau hidup dalam dunia fantasi sedang hakikatnya beliau adalah lelaki, mempunyai anak dan harus menjalankan tanggung jawab hakikinya sebagai ayah iaitu mewalikan pernikahan anak perempuannya.</p>
<p>Teater: Teater Muzikal Patung Kertas Tahun: 2009 Arahan: Lokman Ghani Pelakon utama sebagai transeksual: Ku Mohd Yusri Pak Leh dan Dato Jalaludin Hassan Sumber: Teater ini tayangkan di Dewan Auditorium Tunku Abdul Rahman, MATIC, Jalan Ampang Kuala Lumpur pada 25 April hingga 30hb April 2008. Maklumat tentang teater diperolehi di laman web http://www.budiey.com/sinopsis-teater-patung-kertas/ Tarikh: 13/7/2010</p>	<p>Teater ini mengisahkan tentang usaha murni sekumpulan transeksual untuk mengumpul dana bagi membantu pesakit kronik. Untuk tujuan tersebut, mereka mengadakan persembahan pentas bertajuk Patung Kertas (<i>Paper Doll</i>). Kumpulan ini diterajui oleh seorang 'mak ayam' (ketua mak nyah/transeksual) dan seorang 'anak ayam' (transeksual yang masih baru/junior). Berbagai dugaan dihadapi oleh kumpulan ini dalam usaha murni mereka, di antaranya wujud perasaan cemburu dan iri hati di kalangan mereka. Akhirnya ia membawa kepada konflik dalaman kumpulan Patung Kertas tersebut Perebutan kawasan 'berniaga' juga menjadikan suasana tegang dan ada antara ahli kumpulan Patung Kertas tidak sehaluan lagi.</p>
<p>Teater : Air Con Tahun:2008 Arahan: Shanon Shah Pelakon sebagai transeksual: Hazarul Hasnain dan Firdaus Che Yahaya Sumber: Shanonshah Livejournal (2008) http://shanonshah.livejournal.com/23921.html. Tarikh dilayari: 13.7.2010.</p>	<p>Teater Air Con mengisahkan keadaan di sebuah sekolah berasrama penuh lelaki yang dikejutkan oleh kematian seorang pelacur mak nyah akibat dibunuh dengan kejam. Pelacur mak nyah itu didapati adalah kekasih kepada ketua pelajar sekolah berkenaan. Enam orang pelajar lelaki dari sekolah itu disiasat dan dikaitkan dengan pembunuhan tersebut. Dari situ terbongkarlah rahsia pelajar di sekolah elit tersebut, di mana terdapat pelajar mak nyah, skandal liwat, adegan asmara sesama lelaki, buli dan penderaan. Pihak sekolah kemudiannya bertindak mewajibkan pelajarnya menghadiri kem bersifat jati diri untuk mengembalikan mereka menjadi 'lelaki sejati'.</p>

Saluran radio berbahasa Melayu turut membuat gimik terhadap golongan ini apabila juruhebah radio meniru cara percakapan golongan ini dengan tujuan untuk menarik minat pendengar dan memberi hiburan semata-mata. Sebagai contoh Sinar FM telah mengadakan segmen *Senda Pagi Bersama Abang Jem*, setiap hari Isnin hingga Jumaat, bermula jam 6.00 pagi sehingga 10.00 pagi. Watak Abang Jem dijayakan oleh pelakon, penyanyi dan pelawak terkenal iaitu Salih Yaacob. Dalam segmen tersebut pelbagai petua, cadangan dan nasihat diberikan oleh Abang Jem kepada pendengar mengenai pelbagai isu, contohnya isu semasa, isu kekeluargaan dan suami isteri, petua kecantikan, senaman mencergaskan diri dan banyak lagi. Hal ini memberikan gambaran bahawa media menerusi radio turut menyebarkan pandangan positif tentang golongan transeksual di mana golongan ini juga dapat menyumbang ilmu dan pengalaman kepada masyarakat.

Hakikatnya sejak tahun 2000, filem dan drama yang memaparkan golongan transeksual di Malaysia semakin banyak diterbitkan dan keadaan ini sama dengan trend media di Barat. Antara drama lain tentang transeksual di Malaysia ialah *Sutun Kembali Lagi*, *Amy Anuar*, *Jalan Kelam*, *Mabuk Estrogen*, *Donut*, *Din dan Dina*, *D' Debab* dan banyak lagi. Kesemua filem dan drama tersebut menggunakan watak transeksual lelaki sebagai watak utama. Hal ini menunjukkan bahawa budaya transeksual telah menjadi perhatian penerbit filem dan drama. Sambutan baik masyarakat terhadap filem dan drama yang memaparkan isu transeksual menunjukkan minat dan keprihatinan masyarakat untuk mengetahui tentang komuniti ini sambil berhibur. Manakala ruangan bicara semasa seperti *Bicara Siswa*, *U Remaja*, *360*, *Wanita Hari Ini (WHI)* turut mendapat perhatian apabila bicara tentang transeksual diketengahkan. Keterbukaan masyarakat di Malaysia membicarakan hal ini baik melalui filem dan drama mahupun melalui bicara semasa, diterima sebagai satu bentuk sokongan sosial oleh komuniti ini walaupun matlamat sebenar sebahagian program ini adalah untuk membendung budaya transeksualisme daripada merebak (Azilah, 2011).

Berita dan rencana, filem, drama, teater serta perbincangan terbuka media tentang isu ini menjadikan masyarakat Malaysia semakin terbiasa dengan fenomena transeksual. Mereka mula menerima golongan ini meskipun suatu ketika dahulu mereka menentang kewujudan komuniti ini (Berita Minggu, 2008). Media secara tidak langsung telah berperanan menyebarkan budaya dan gaya hidup transeksual kepada orang ramai. Walaupun bertujuan untuk membendung gaya hidup ini, namun maklumat daripada media boleh membantu menyokong hasrat individu, khususnya remaja lelaki, yang berpotensi untuk memilih gaya hidup transeksual (Suriati dan Azilah, 2012).

Metodologi

Kajian ini telah dijalankan ke atas pelajar lelaki berpenampilan silang di sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA), bagi mengkaji peranan media dalam mempengaruhi tindakan mereka untuk berpenampilan seperti gender berlawanan. Pelajar universiti dipilih kerana mereka adalah golongan muda yang mana menurut Steel dan Brown (1995) mudah mengaplikasi budaya baru dari media dan kerap mempamerkannya dalam gaya hidup seharian. Pulau Pinang dipilih untuk menggambarkan fenomena remaja transeksual di sebuah kawasan bandar terbesar di wilayah utara Semenanjung,

bagi mengimbangi kajian sebelum ini yang banyak dilakukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Wan, 1991; Teh, 2002; Zulhizzam, 2005). Transeksual lelaki dari kaum Melayu dan Bumiputera lain adalah representatif bagi kaum ini sahaja, memandangkan 80 peratus transeksual lelaki di Malaysia adalah dari kaum ini (Teh, 2002). Kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian kes (*case study approach*) ini memilih 30 orang pelajar lelaki transeksual secara *snowball*. Mereka dikaji secara mendalam menerusi soal selidik bersemuka, temubual mendalam, pemerhatian ikut, sembang di internet dan penulisan diari dalam tempoh dua tahun (2007–2009). Hasil kajian dianalisis menggunakan kaedah interpretatif dan refleksi manakala hasil dipamerkan menggunakan jadual mudah dan petikan kata-kata dan catitan sebenar responden.

Daripada 30 orang pelajar lelaki transeksual yang dikaji, 83 peratus adalah dari etnik Melayu sementara selebihnya Bumiputera lain (Iban, Iban-Kedayan, Bidayuh). Hal ini sesuai dengan anggaran Teh (2002) bahawa 80 peratus transeksual lelaki di Malaysia ialah dari etnik Melayu. 87 peratus beragama Islam dan selebihnya beragama Kristian. 60 peratus mereka berasal dari luar bandar. 30 peratus atau 9 orang berasal dari negeri Kelantan, 5 orang dari Johor, 3 orang dari Sabah, 2 dari Kedah, Perak, Negeri Sembilan dan Sarawak, dan seorang dari Wilayah Persekutuan Labuan, Melaka, Pahang, Pulau Pinang dan Trengganu. Mereka merupakan pelajar dari pelbagai jurusan pengajian dan sedang menuntut dalam tahun pertama, kedua dan ketiga di universiti ini.

Dapatan Kajian

Soalan telah diajukan tentang adakah media berperanan mempengaruhi responden untuk berkeinginan menjadi wanita atau berpenampilan wanita. Kesemua responden tidak bersetuju bahawa media mempengaruhi mereka untuk berkeinginan menjadi wanita. Sebaliknya kesemua mereka mengatakan faktor naluri yang ingin menjadi wanita dan kelihatan cantik telah menyebabkan mereka memilih gaya hidup transeksual. Sebanyak 5 orang responden (17 peratus dari 30 orang) menyedari naluri ini telah ada di dalam diri mereka sejak berusia 5–9 tahun, manakala 8 orang (27 peratus) menyedari keinginan tersebut ada dalam diri mereka pada usia 10–15 tahun. Selebihnya mengatakan mereka menyedari naluri tersebut selepas berusia 16 tahun. Responden 1, berumur 22 tahun, dari etnik Melayu beragama Islam, berasal dari Kelantan yang senang membahaskan dirinya ‘mak’ menceritakan semasa temubual mendalam tentang bagaimana beliau ingin menjadi wanita,

“Semasa umur empat tahun mak (saya) dah sukakan pakaian perempuan. Mak ada dua orang kakak; mak tak suka pakaian mak tapi mak selalu pakai baju kakak. Jadi ibu mak terpaksa beli pakaian perempuan untuk mak, dan beli anak patung, sebab mak suka. Mak juga selalu main ‘mak-mak’ dengan kakak.”

Mengenai naluri sejak kecil, Ismail (2007) menjelaskan naluri ingin memiliki atau berpenampilan jantina berlawanan boleh muncul pada kanak-kanak seawal usia 4 tahun dan biasanya bukan atas pengaruh media tetapi lebih kepada faktor genetik, naluri dan asuhan awal kanak-kanak tersebut.

Mengenai peranan media pula, kesemua responden bersetuju bahawa ketersampaian kepada media cetak dan elektronik sejak di tempat asal lagi menyebabkan mereka tahu bahawa mereka boleh merealisasikan naluri mereka dan membina identiti sebagai transeksual. Mereka mula mempraktikkan penampilan silang iaitu bergaya seperti perempuan semasa di bangku sekolah. Seramai 23 orang atau (77 peratus) daripada responden mengatakan mereka mula mempamerkan penampilan silang dengan bersolek secara ringan sebelum memasuki universiti, iaitu semasa bersekolah menengah. Idea dan cara untuk bersolek dan bergaya wanita diperolehi daripada media cetak dan elektronik. Walaupun tinggal di luar bandar namun kebanyakan rumah memiliki televisyen dan komputer yang dilengkapi kemudahan internet. Kedua-dua alat ini telah menjadi medium yang banyak memberi maklumat untuk berpenampilan silang. Responden 2, berumur 21 tahun dari Sabah, etnik Bidayah, beragama Kristian, memberitahu semasa temubual mendalam,

“Senang saja nak dapat maklumat semasa di kampung. Saya dapat idea dari majalah yang dibeli dekat kedai tak jauh dari rumah. Lagipun di kampung sekarang banyak rumah sudah ada internet. Buka dan cari saja.”

Kemudahan untuk mengakses maklumat daripada bahan bacaan bergambar daripada majalah dan internet membolehkan mereka mendapat maklumat yang diinginkan semasa mereka masih di tempat asal, yang kebanyakannya di luar bandar. Bahan yang dibawa oleh media cetak dan elektronik menjadi sumber idea kepada remaja lelaki bernaluri kewanitaan ini untuk mula mempamerkan gaya penampilan wanita, sesuai dengan hujah King (1993) dan Ringo (2002) tentang peranan media massa dalam menyebarkan budaya transeksual.

Apabila berada di universiti, responden berkumpul dengan lebih ramai rakan yang mempunyai naluri yang sama, iaitu berkeinginan menjadi wanita. Mereka juga bertemu dengan pelajar senior yang telah terlebih dahulu ketara berpenampilan silang. Kesemua responden telah memilih tiga perkara ini sebagai faktor utama mereka mengamalkan gaya hidup transeksual di universiti, iaitu: naluri, rakan dan media. Menurut 60 peratus daripada responden, pengaruh rakan dan media lebih penting daripada pengaruh naluri semata-mata kerana kehadiran rakan transeksual yang ramai dan media yang mudah didapati serta kaya dengan maklumat menyebabkan mereka bertambah yakin untuk terus berpenampilan silang. Responden 1 menceritakan lebih lanjut:

“Masa di kampung memang teringin nak cantik. Selalu juga tengok-tengok majalah tentang kecantikan. Tapi mak kekok nak buat begitu. Lagipun mak tahu agama dan keluarga tak benarkan. Tapi di universiti suasana jadi lain. Mak mula terpengaruh dengan mak-mak ayam (senior transeksual) yang ada di sini...lama-kelamaan mak mula nak *drag* macam mereka. Kami selalu tengok (menonton) TV sama-sama.. kami paling suka rancangan **Muzik-muzik**, **Akademi Fantasia**, **American Next Top Model**, **American Idol** dan **Project Runway**. Rancangan macam ni memang banyak mempengaruhi mak untuk mengubah penampilan. Mak dapat belajar dan meniru gaya penampilan yang mak suka.”

Kebanyakan responden mengatakan media yang penting kepada mereka ialah majalah dan akhbar, televisyen, internet dan panggung wayang – kesemuanya dikatakan banyak membantu mereka mempraktikkan gaya transeksual dengan lebih yakin setelah menonton atau membaca bahan berkenaan. Mereka menggunakan media ini untuk mendapat maklumat tentang dunia kecantikan, fesyen dan hiburan. Mereka juga bersaing sesama sendiri untuk kelihatan lebih cantik dan bergaya daripada yang lain. Lebih banyak mereka mendapatkan maklumat daripada media, semakin tinggi peluang mereka untuk tampil lebih bersifat kewanitaan daripada rakan transeksual mereka. Responden 2 mencatatkan tentang persaingan ini di dalam borang soal selidik,

“Kenapa nak tanya mak ayam (senior) bagaimana nak jadi cantik? Maklumat ni banyak di majalah dan internet. Dalam tu ada tips kecantikan dan fesyen terkini. Saya saja yang tahu – tak perlu kongsi semua dengan kawan sebab saya nak lebih cantik dari mereka. Setelah mereka puji gaya saya dan tanya dari mana dapat idea ni, barulah saya beritahu mereka.”

Peranan media dalam memberi pelbagai maklumat bagi membantu pembentukan identiti transeksual dihuraikan lagi oleh Responden 3, 22 tahun, etnik Melayu, beragama Islam, dari Pahang. Katanya,

“biasanya maklumat dunia kepondanan ni mak dapat dari majalah dan internet. Lepas tu mak kongsikan dengan kawan nyah (kawan transeksual) dan nok-nok (adik junior transeksual). Biasanya mak cuba dulu, macam fesyen rambut ke, pil hormon ke... kalau dia orang (mereka) suka, dia orang puji. Lepas tu mak tengok dia orang mula tiru apa yang mak dah mulakan.”

Responden 3 memperincikan kepentingan majalah kepada beliau dan rakan transeksual lain, di mana melalui majalah mereka dapat meniru gaya artis wanita idola mereka. Katanya:

“Majalah kegemaran mak dan nok-nok lain ialah **Cleo, Gam, Maskulin, Female, Remaja, Eh, Intrend**. Majalah ni very the sesuai dengan jiwa kaum nyah dan nok ni. Banyak la info kecantikan dan dunia artis yang vogue (bergaya, berfesyen) tu..paling penting kami dapat tiru gaya artis idola kami. Macam mak yang dah vogue ni suka sangat kat Beyonce dan Tyra Banks. Kalau dekat Malaysia pula mak suka Erra Fazira dan Amber Chia.”

Kemudahan mendapatkan majalah tersebut di sekitar IPTA kajian telah membantu pelajar transeksual di universiti ini untuk lebih bergaya, memiliki rupa paras cantik dan memperagakan pakaian seperti artis pujaan mereka, yang kesemuanya artis wanita. Responden 4 (22 tahun, etnik Iban, agama Kristian, dari Sarawak) menjelaskan hal ini dalam catatannya pada borang soal selidik,

“kat IPTA ni senang sangat nak dapat majalah ni coz kedai pun banyak. Antaranya majalah **Glam, Cleo, Female, Vogue, dan Women Weekly**. Banyak fesyen-fesyen artis yang meletop-letop (cantik), cara mereka makeup dan bergaya. Lepas tu pandai-pandai la **we ols** (we all - kami semua) tiru gaya yang **we ols** suka. Macam saya ni pantang lihat Nasha Aziz, Ziana Zain, Camelia dan Posh Beckham. Idola saya la katakan.”

Menariknya, kebanyakan responden menamakan artis dan model wanita sebagai *role model* mereka. Artis dan model tersebut disimbolkan sebagai “seksi, bergaya, cantik, berpersonaliti hebat, diva dan popular” – iaitu imej yang mereka ingini sekiranya mereka dilahirkan sebagai wanita (Suriati dan Azilah, 2012). Artis dan model tersebut menjadi imej dan inspirasi kepada mereka untuk menjadi hebat, cantik, diva, dan popular sebagaimana *role model* mereka. Transeksual yang terlalu meminati artis dan model wanita turut terikut-ikut untuk menjadi model. Mereka sering membuat sesi fotografi sesama mereka, biasanya di bilik tidur mereka di asrama, dan bergaya seperti model. Gambar tersebut dimuatnaik dalam laman sosial di internet untuk dikongsi dengan rakan laman sosial mereka. Berkenaan hal ini Responden 4 menjelaskan dalam soalselidik,

“...**we ols** selalu terikut-ikut bergaya seperti mereka. **We ols** akan **makeup** (bersolek) ramai-ramai dan **pose** (bergambar) ala-ala model. Gambar yang cantik we ols muatkan dalam Friendster ataupun MySpace untuk **expose** (tayang) kat orang luar. Seronok bila gambar yang **vogue** orang lain tengok.”

Hal sama dijelaskan oleh Responden 5 (22, Islam, Melayu, Kelantan) dalam temubual mendalam:

“Mak **makeup** cantik-cantik, ambil gambar, **upload** ke **Facebook**. Bila orang tengok, dia orang boleh komen. Adik-adik baru selalunya komen. Mak pun jawab... dari situ kami jadi kawan...”

Medium ruang sembang di internet dijadikan tempat untuk pelajar transeksual berkenalan sesama rakan senaluri dan mengikuti perkembangan rakan siber masing-masing. Antara laman sosial di internet yang paling kerap digunakan oleh responden ialah *Facebook*, *Friendster* dan *Myspace*. Mereka sering bertukar maklumat mengenai aktiviti bagi golongan mereka dan menyampaikan maklumat mengenai kecantikan dan fesyen. Maklumat dan bahan bacaan tentang dunia fesyen selalunya diedarkan kepada rakan-rakan di laman sosial melalui *attachment* (lampiran).

Jelasnya internet telah menjadi media elektronik yang sangat besar peranannya dalam menyebarkan sesuatu perkara baru, termasuk gaya hidup transeksual. 29 daripada 30 orang responden mengatakan mereka mengakses internet di kafe siber yang terdapat di sekitar universiti hampir setiap hari. Komen Responden 3 seperti,

“...boleh kata tiap hari mak ke CC (cyber café). Kedai CC ni berlambak, tak heran, hari-hari mak boleh online..kalau fasal dunia nyah ni mak selalu online kat www.gayboy.com, YouTube dan macam-macam”,

menunjukkan kafe siber menjadi medium yang menyebarkan budaya transeksual dengan mudah. Hal ini selaras dengan kajian Wincapaw (2000) yang mendapati kemudahan berhubung secara maya menggunakan internet amat menyokong pembentukan identiti dan penyebaran gaya hidup transeksual.

Selain itu, drama dan filem yang mengisahkan dunia transeksual lelaki sangat diminati oleh responden. Mereka tidak akan melepaskan peluang untuk menonton

filem dan drama TV yang mengisahkan kehidupan transeksual. Responden 5 menulis dalam catatan diarinya:

“..then kita orang pergi tengok wayang Waris Jari Hantu kat Queensbay. Best cerita tu dan menyedihkan, bagai nak menitis airmata I sebab cerita tu memaparkan kisah orang lembut..”.

Responden 6 (23, Melayu, Islam, Johor) turut menuliskan dalam catitan diari seperti berikut:

“..kul (pukul) 11 malam we ols balik bilik..mandi..lepas tu kami tengok CD cerita yang aku baru beli kat BJ tadi...cerita hantu pondan Thailand, best sangat. Sampai kita orang ketawa tak ingat dunia.”

Drama dan filem yang dianggap bersifat prihatin dan simpati kepada golongan ini telah menjadi kebanggaan kepada mereka, dan sebahagian watak menjadi *role model* bagi mereka meneruskan budaya transeksual. Menurut Responden 1 dalam temubual mendalam:

“...macam drama Sutun tu, favourite mak. Tiap kali tengok mesti sedih..tapi mak rasa lega sebab cerita tu memahami kami dan bela nasib orang macam kami. Watak utama tu baik, pandai, berjaya, boleh jadi contoh untuk kami.”

Pandangan responden di atas jelas menunjukkan peranan penting media cetak dan elektronik dalam membantu transeksual lelaki membina identiti dan berpenampilan wanita. Dapatan kajian ini menyokong kajian King (1993), Crane dan Kawasaki (2002), Waters (1995) dan Steel dan Brown (1995) tentang peranan media dalam menyebarkan budaya baru dan global merentasi sempadan budaya dan negara. Sepertimana menurut Ringo (2002) media telah berperanan sebagai agen yang membenarkan sesuatu budaya yang dianggap terpesong, seperti budaya transeksual, dan mempromosi budaya ini kepada masyarakat umum. Kepada mereka yang telah mempunyai keinginan untuk memiliki gender yang berlawanan, sumbangan media adalah besar dalam membantu mereka merealisasi hasrat mereka. Sepertimana menurut Ruan *et al.* (1989), kemudahan mendapatkan media telah mempercepatkan sebaran dan penerimaan budaya transeksualisme sepertimana yang dialami di kalangan responden dalam kajian ini.

Kesimpulan

Kajian ini menyimpulkan media cetak dan elektronik sangat berpengaruh dalam menyebarkan maklumat yang membantu golongan transeksual membina identiti diri dan berpenampilan seperti yang diinginkan, walaupun ianya bercanggah dengan budaya dan nilai tempatan. Media telah menjadi agen yang membenarkan, menjual serta mempromosi pelbagai budaya baru kepada masyarakat. Keterbukaan industri penyiaran dan hiburan, majalah dan internet yang kerap menyiarkan maklumat tentang sesuatu gaya hidup yang tidak sesuai dengan norma sosial dan budaya tempatan, seperti

gaya hidup transeksual, boleh mempopularkan budaya tersebut sehingga menjadi perkara biasa pada mata masyarakat. Teknologi maklumat dan komunikasi masa kini telah memperluaskan medan maklumat sesuatu idea dan budaya baru, menjadikan penduduk di sesebuah negara tidak terasing daripada pengetahuan tentang sesuatu idea atau budaya yang diterima pakai oleh masyarakat dan budaya lain. Dengan itu kajian ini telah menyumbang kepada pengetahuan tentang kepentingan media dalam sebaran ruangan budaya, pembinaan identiti dan gaya hidup golongan transeksual di Malaysia, khususnya pelajar lelaki universiti. Kajian ini dapat digunakan untuk membantu pihak perancang sosial dan kemasyarakatan mengenalpasti masalah yang boleh dikesan daripada sebaran sesuatu budaya oleh media, seterusnya mengadakan langkah perlu untuk membendung penyebaran gaya hidup transeksual di negara ini.

Penghargaan

Penulis-penulis mengucapkan penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi yang telah membiayai penyelidikan ini melalui Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), 2006-2009.

Rujukan

- American Psychiatric Association. (2000). *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders, Fourth Edition (Text Revision)*. American Psychiatric Publishing.
- Azilah Mohamad Nor. (2011). *Difusi ruangan, infrastruktur komuniti dan sokongan sosial dalam pengukuhan budaya transeksualisme di kalangan pelajar lelaki universiti Sains Malaysia dan Universiti Utara Malaysia*, unpubl. Tesis sarjana. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia
- Benjamin, H. (1999). *The Transsexual Phenomenon*. Electronic Book. Symposion Publishing. Diakses daripada <http://www.symposion.com/ijt/benjamin/index.html>. pada 29.3.2007.
- Berita Minggu. (1 Mac 2009). Menteri Arah Henti Aksi Pondan.
- Berita Harian. (27 Julai 2008). Masyarakat “Relakan” Mak Nyah diterima.
- Berita Harian. (23 Disember 2002). Insan Transeksual Dihimpit Dilema.
- Bernamea. (15 Jun 2007). Mak Nyah Tagih Belas Kasihan.
- Bernamea. (17 Disember 2001). ‘Kementerian Baru Akan Tangani Isu Pondan’. Kuala Lumpur: Pertubuhan Berita Nasional Malaysia.
- Crane, D. & Kawasaki, K. (2002). *Global Culture: Media, Art, Policy, and Globalization*. London: Routledge.
- de Blij, Harm J. & Murphy, Alexander B., (2003). *Human Geography: Culture, Society and Space*. New York: John Wiley & Sons.
- Ekins, R. J. M. & King, D. (1997). ‘Bending Gender: Contributions to the Emerging Field of Transgender Studies’. *The International Journal of Transgenderism*, 1(1), 1–20.
- Hamdan Abdul Kadir (2007). Faktor Pendorong ke Arah Menjadi Lelaki Lembut dan Cadangan Modul Intervensinya’. Kertas kerja dibentangkan dalam Simposium Pengajaran dan Pembelajaran UTM 2007, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor, pada 28–29 November 2007.
- Ismail Tambi (2007). Diskusi Transeksualiti dan Homoseksualiti dari Perspektif Sains, Seminar *Diskusi Transeksualiti dan Homoseksualiti dari Perspektif Agama, Sains dan Psikologi*. Univ.Sains M’sia: Sekretariat Falsafah dan Sains Islam dan Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (HEP), Dewan Budaya, September, 2007.

- King, D. (1993). *The Transvestite and the Transsexual*. England: Avebury.
- Kosmo. (8 November 2009). Pondan Malaysia Disunting Warga Britain.
- Kosmo. (8 Ogos 2009). Pondan di Kuantan Semakin Ramai.
- Kosmo. (19 Januari 2009). Penonton Terpegun Lihat Model Mak Nyah.
- McLuhan, M. & Lapham, L.H. (1994). *Understanding Media: The extensions of man*. Massachusetts Institute of Technology, Cambridge, Massachusetts: The MIT Press.
- Mohd. Yusman Awang, Muhd Izhar Abu Samah & Zamri Ramli (2004). 'Laporan Khas: Hidup Sebagai Mak Nyah'. *Media Massa*, 21-27 Februari 2004.
- New Straits Times. (9 Febuari 2007). Transvestites Come Under Attack.
- Ringo, P. (2002). 'Media Roles in Female-to-Male Transsexual and Transgender Identity Formation'. *International Journal of Transgenderism*, 6(3).
- Ruan, F.F., Bullough, V. & Tsai, Y.M. (1989). Male Transsexualism in Mainland China. *Archives of Transsexual Behaviour*, 18(6), 517-522.
- Steel, J.R. & Brown, J.D. (1995). Adolescent Room Culture: Studying Media in The Context Of Everyday Life. *Journal of Youth and Adolescence*, 24(5), 551-576.
- Suriati Ghazali, Jabil Mapjabil & Azilah Mohamad Nor (2011). 'Infrastruktur Komuniti dan Hubungannya dengan Golongan Transeksual di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia'. *Jurnal Kemanusiaan*, 18, 77-95. Diakses daripada www.management.utm.my/download/doc_download/475-infrastuktur-komuniti pada 10 Julai 2013.
- Suriati Ghazali, Jabil Mapjabil, Azilah Mohamad Nor, Narimah Samat & Jas Laile Suzana Jaafar. (2012). 'Difusi Ruangan Budaya Transeksualisme dan Imaginasi Geografi Pelajar Lelaki Berpenampilan Silang di Universiti Tempatan Malaysia'. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 252-266. Diakses daripada <http://pkukmweb.ukm.my/e-bangi/papers/2012/suriati012.pdf> pada 10 Julai 2013.
- Suriati Ghazali & Azilah Mohamad No.r (2012). 'Media Roles in Male-to-Female Transsexual Identity Formation among University students in Malaysia'. *International Proceedings of Economics Development and Research*, 34, 184-190. Diakses daripada www.ipedr.com/vol34/036-ICHHS-H10067.pdf pada 10 Julai 2013.
- Swaab, D. F. (2004). Sexual Differentiation of The Human Brain: Relevance for Gender Identity, Transsexualism and Sexual Orientation. *Gynecology Endocrinology*, 19, 301-312.
- Teh, Y. K. (2002). *The Mak Nyahs: Malaysian Male to Female Transsexual*. Singapore: Eastern Universities Press.
- The Star. (16 Jun 2009). Transvestites on The Pill to Became More Curvy and Girly.
- The Star. (3 Julai 2009). Transvestites Assault Woman for Handbag.
- TransGender Guide. (2010). Transgender Friendly Nightclubs & Bars. The Transgender Guide. Diakses daripada <http://www.tgguide.com/clubs.htm> pada 21 Febuari 2010.
- Utusan Malaysia. (17 April 2009). Hati-hati Mak Nyah Mental Mengganas di Jalan Raja Chulan.
- Utusan Malaysia. (16 Jun 2007). Cadangan Mak Nyah Disuntik Hormon Lelaki.
- Utusan Malaysia. (22 Jun 2007). Kebanjiran Mak Nyah Membimbangkan.
- Utusan Malaysia. (22 Jun 2007). Persatuan Bantu Mak Nyah Jauhi Maksiat.
- Utusan Malaysia. (22 November 2005). Kecelaruan Seks Serius: Lelaki Mahu Jadi Wanita Banyak Berlaku di Asrama dan IPT.
- Utusan Malaysia. (6 Ogos 2002). Tekanan Bukan Penyelesaian Masalah Transeksualiti di IPT.
- Utusan Malaysia (6 Ogos 2002). Kemudahan Khas: Rasionalkah Tuntutan Pelajar Transeksual di IPT.
- Wan Azmi Ramli. (1991). *Dilema Mak Nyah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Waters, M. (1995). *Globalization*. London: Routledge.
- Wincapaw, C. (2000). The Virtual Spaces of Lesbian And Bisexual Women's Electronic Mailing Lists. *Journal of Lesbian Studies*, 4(1), 45-59.

- Winter, S. (2009). Cultural Considerations for the World Professional Association of Transgender Health's Standard of Care: The Asian Perspective. *The International Journal of Transgenderism*, 11(1), 19–41.
- Zulhizzam, A. (2005). Gender Identity Disorder among Male University Students and Their Features. *NCD Malaysia–The Bulletin of Epidemiology and Public Health on Noncommunicable Disease*, 4(3), 19–23.